



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Program Komuniti Sulam HPD221: Clean, Green & Lean Program

Disediakan oleh:
Mohamad Farshid Asqalani bin Senan, Sylvia Haren Usat dan Aiza Johari

Pada Sabtu 7 Januari 2023 lalu, para pelajar HPD221 telah menjayakan projek SULAM melalui program komuniti di tasik Desa Ilmu, Kota Samarahan. Program bertemakan "Clean, Green & Lean Program" ini telah disertai oleh 13 orang pelajar dan seorang pensyarah selaku penyelia program iaitu Puan Aiza Johari. Objektif utama program ini adalah untuk menjaga kebersihan dan memperindah taman rekreasi itu supaya persekitarannya kekal kondusif untuk pelbagai aktiviti.

Pada jam 7.50 pagi, para pelajar berkumpul di Medan Selera Kolej Kediaman Seri Pinang Kampus Samarahan 2 sebelum bertolak ke destinasi dengan bas. Sebaik tiba di lokasi dalam jam 9 pagi, para pelajar mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh penyelia dan ketua program supaya aktiviti ini berjalan dengan lancar. Sepanjang aktiviti gotong-royong ini, para pelajar telah membersihkan persekitaran tasik dengan mengutip sampah dan menyapu kawasan yang kotor. Aktiviti ini berakhir dalam jam 11 pagi. Setelah itu, para pelajar mengemas dan menyusun peralatan sebelum bertolak pulang ke kolej kediaman. Di perkarangan kolej, makanan tengah hari diagihkan kepada para pelajar sebelum bersurai.

Program ini memberi impak positif khususnya kepada para pelajar. Mereka saling bekerjasama dan memberikan komitmen yang sangat baik dalam memelihara kebersihan alam sekitar. Pihak penganjur berharap agar usaha ini dapat diteruskan oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan keindahan alam demi kesejahteraan komuniti setempat.

